

ANALISIS KONSEPTUAL KATA KUNCI TEMA KEMANUSIAAN DALAM LIRIK LAGU *BASYIRAH* (2020)

KEYWORD CONCEPTUAL ANALYSIS OF HUMANITARIAN THEME IN THE LYRICS *BASYIRAH* (2020)

Nur Fara Azuwa Yusof¹

Norlela Ismail²

Siti Normala Hamzah³

¹Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara,
(E-mail: azuwayusof16@gmail.com)

²Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara,
(E-mail: norlelai@uitm.edu.my)

³Pengajian Seni Liberal Penulisan Kreatif, Kolej Pengajian Seni Kreatif Universiti Teknologi Mara,
Corresponding Author, (E-mail: normalahamzah@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 5-9-2022

Revised date : 6-9-2022

Accepted date : 4-11-2022

Published date : 9-11-2022

To cite this document:

Yusof, N. F. A., Ismail, N., & Hamzah, S. M. (2022).

Analisis Konseptual Kata Kunci Tema Kemanusiaan

Dalam Lirik Lagu Basyirah (2020). *Journal of*

Islamic, Social, Economics and Development

(JISED), 7(49), 62 - 74.

Abstrak: Lirik adalah perkataan-perkataan dalam lagu yang diekspresikan oleh penulisnya tentang sesuatu perkara yang dilihat, didengar ataupun yang dialaminya. Penulis lirik zaman kini dikatakan tidak berkemahiran untuk menghasilkan lirik lagu yang bermutu. Natiujahnya maksud lirik tidak dapat disampaikan dengan baik. Justeru itu, kajian ini menghujahkan bahawa lirik lagu Basyirah mempunyai pemilihan kata yang berkesan dalam menyampaikan tema kemanusiaan kepada pembaca. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tema kemanusiaan dalam lirik lagu Basyirah (2020) dan menganalisis bagaimana tema kemanusiaan digambarkan melalui Teori Konseptual Kata Kunci (2005). Kajian ini memfokuskan kepada dua prinsip utama, iaitu pemilihan kata dan kesannya terhadap pembaca. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis tekstual dengan menjadikan teks lirik lagu Basyirah sebagai bahan analisis. Hasil kajian mendapati lirik Basyirah memaparkan tema kemanusiaan yang mempunyai kesan emosi terhadap pembaca melalui pemilihan kata yang berkesan dalam lirik tersebut.

Kata kunci: Lirik lagu, Teori Konseptual Kata Kunci, dan pemilihan kata

Abstract: Lyrics are the words in a song the writer expresses about something they see, hear or experience. Today's lyricists are said to be lack of skills in producing quality song lyrics. As a result, the meaning of the lyrics cannot be relayed well. Therefore, this study argues that the lyrics of Basyirah's song obtain a compelling choice of words in describing the theme of humanity to the reader. This study aims to identify the theme of humanity in the lyrics of Basyirah's song and analyze how the theme of humanity is described through the Conceptual Theory of Keywords (2005). This study focuses on two primary principles: word selection and its effect on the reader. The research method used is a textual analysis using the text of

Basyirah's song lyrics as analysis material. The study's results found that Basyirah's lyrics display humanitarian themes that emotionally impact the reader through the effective choice of words in the lyrics.

Keywords: *Song Lyrics, Conceptual Theory of Keywords and word selection.*

Pengenalan

Lirik merupakan perkataan-perkataan dalam lagu yang terkandung nilai, moral, dan pengajaran yang mampu membentuk jati diri seseorang individu. Menurut Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2015), lirik adalah ekspresi penulisnya melalui pengalaman yang dialami atau perkara yang dilihat mahupun yang didengarinya. Melalui pengalaman tersebut penulis lirik akan meluahkan emosinya dalam bentuk sebuah lagu melalui daya kreativiti dan kepelbagaian laras bahasa. Nik Safiah Karim (1994) pula menyatakan bahawa lirik lagu merupakan perkataan-perkataan yang disusun rapi untuk menimbulkan keindahan. Oleh yang demikian, lirik sesebuah lagu bukan sahaja terbit daripada bahasa yang disusun dan digunakan, malah mempunyai perkaitan dengan bentuk pemikiran penulis lirik lagu tersebut. Masitah Mad Daud dan Zulkifley Hamid (2017) pula menyatakan terdapat penulis lirik yang mencipta dan mengabadikan pelbagai khazanah bahasa dalam bentuk lagu contohnya pepatah-petitih, pantun dan sebagainya. Hal ini menunjukkan wujudnya pemikiran yang kreatif dalam mengolah bahasa yang terbit daripada akal fikiran.

Menurut Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din dan Abdul Razak Panaemalae (2020), pemilihan diksi yang baik merupakan satu simbol atau lambang yang dapat menunjukkan konsepsi atau idea utama penulis yang ingin sampaikan melalui karya yang dihasilkan. Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamruddin (2015) pula menambah, konsepsi yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca boleh dikenal pasti oleh pembaca dengan cara meneliti pemilihan kata yang digunakan penulis dalam hasil karyanya. Selain daripada diksi, konsep lain yang dikira penting dalam penulisan lirik adalah kata kunci. Rozita Che Rodi dan Hashim Musa (2014) menyatakan bahawa kata kunci merupakan komponen penting yang berbentuk perkataan atau rangkaian kata yang terdapat dalam sesebuah teks, iaitu perkataan yang dianggap sebagai kata kunci lebih kerap digunakan berbanding perkataan lain dalam sesebuah teks.

Permasalahan timbul apabila terdapat lagu dan lirik pada zaman sekarang dikatakan tidak ditulis dengan baik. Penulis lirik tempatan, iaitu Ad Samad yang menyatakan bahawa penulis lirik zaman kini tidak mempunyai kefahaman yang tinggi dalam memahami premis cerita dan tema yang hendak disampaikan melalui penulisan lirik lagu yang dicipta (Farihad Shalla Mahmud & Muhamad Fairoz Aziza, 2017). Menurut Ad Samad, penulis lirik harus keluar dari zon selesa dengan mempelbagaikan tema dalam penulisan lirik dan tidak hanya tertumpu kepada karya yang berunsur cinta. Loque yang merupakan pemuzik tanah air juga berpendapat bahawa lirik yang dihasilkan perlulah puitis namun pada masa yang sama menggunakan gaya bahasa dan intonasi yang mampu memberi pengajaran kepada pendengar (Farihad Shalla & Muhamad Fairoz, 2017).

Kajian ini ingin menghujahkan bahawa *Basyirah* mempunyai pemilihan kata atau diksi yang berkesan bagi menyampaikan tema kemanusiaan kepada pembaca. *Basyirah* merupakan sebuah lagu yang berkisarkan wabak *Coronavirus Disease 2019* (Covid-19) yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia. Lirik lagu yang ditulis oleh Ahmad Fedtri pada tahun 2020 ini merupakan sebuah penzahiran penulis mengenai penghargaan dirinya kepada para petugas

barisan hadapan yang sedang berjuang membantu masyarakat menghadapi wabak Covid-19 walaupun keadaan semakin sukar (Ridzuan, 2020). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk :

- a) mengenal pasti tema kemanusiaan dalam lirik lagu *Basyirah* dan
- b) menganalisis tema kemanusiaan digambarkan melalui Teori Konseptual Kata Kunci (2005).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana menurut Cathryne Palmer dan Amanda Bolderston (2006), kaedah kualitatif adalah satu bentuk kajian yang menggunakan pendekatan interpretasi. Pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam bagi mencari makna dalam sesuatu fenomena sosial yang dialami oleh pengkaji melalui persampelan teks beberapa rangkap terpilih Lirik lagu *Basyirah* (2020). Data dikumpul melalui pembacaan lirik tersebut dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tekstual. Menurut Jennifer Morey Hawkins (n.d), analisis tekstual adalah satu pendekatan yang melibatkan kefahaman terperinci terhadap bahasa, simbol dan gambar yang muncul dalam sesuatu teks. Pendekatan ini dapat membantu pengkaji untuk menilai bahasa komunikasi melalui teks yang dipilih supaya teks tersebut dapat diintegrasikan dengan pengalaman kehidupan yang lebih bermakna. Perbincangan hasil dapatan lirik ini menggunakan kerangka Teori Konseptual Kata Kunci (2005), iaitu dengan memfokuskan kepada dua prinsip utama, iaitu *pemilihan kata* dan *kesannya terhadap pembaca*.

Teori Konseptual Kata Kunci

Teori Konseptual Kata Kunci merupakan teori yang memerlukan pembaca untuk meneliti kata kunci yang terdapat dalam karya-karya seseorang penulis. Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005), bagi mencari konsepsi penulis terhadap sesuatu isu atau perkara, kata-kata yang digunakan oleh penulis dalam karya tersebut perlulah diperhatikan. Ini bermaksud jika pembaca ingin mengetahui bagaimana seseorang penulis memahami atau melihat sesuatu isu atau perkara, pembaca perlu melihat dan meneliti kata kunci yang digunakan dalam karya yang dihasilkan. Kata kunci dalam sesebuah karya ialah perkataan atau diksi yang telah dipilih penulis dalam menghasilkan karya tersebut.

Irman Siswadi (2013) menyatakan bahawa kata kunci mempunyai fungsi yang penting dalam proses pencarian di mana kata kunci dapat ditemukan dalam teks, abstrak dan lain-lain. Selain itu, kata kunci juga bermaksud kod atau frasa yang dapat membantu menggambarkan isi sesebuah dokumen kerana penggunaannya yang lebih menonjol (Irman, 2013). Ini menunjukkan bahawa kata kunci adalah penting kerana melalui kata kunci, pembaca dapat mengetahui konteks sesebuah teks yang dibaca. Hal ini kerana penggunaan rangkai kata atau perkataan yang kerap memberi petunjuk kepada pembaca akan maksud atau tujuan teks itu ditulis. Sebagai contoh, penggunaan perkataan 'hutang' dalam sesebuah teks memberi petunjuk kepada pembaca bahawa teks yang ditulis berkisarkan hutang.

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005) lagi, kata kunci yang diperkenalkan oleh Raymond Williams pada tahun 1988 bermaksud sekumpulan rangkai kata yang maksudnya boleh dikategorikan secara sosial mahupun secara budaya. Ini bermaksud bahawa kata kunci merupakan kumpulan perkataan yang dapat dikategorikan kepada beberapa kelompok. Mohammad Mokhtar Hassan juga menyatakan bahawa kata kunci boleh dikaitkan dengan kata-kata kunci lain, tetapi terdapat satu kata kunci dalam kelompok tersebut yang merupakan titik tumpuan makna yang ingin disampaikan oleh kata-kata kunci tadi di mana kata kunci ini digelar

sebagai kata fokus. Ini bermakna kata fokus merupakan sebuah kata kunci yang mempengaruhi makna kata-kata kunci yang lain bergantung kepada bidang yang difokuskan mereka.

Terdapat tiga prinsip dalam teori Konseptual Kata Kunci, iaitu kepengaruhan, pemilihan kata atau diksi dan kesan. Prinsip pertama, iaitu kepengaruhan merupakan prinsip dalam teori Konseptual Kata Kunci yang berkaitan dengan pengarang. Faktor latar belakang penulis seperti keluarga, pendidikan, pekerjaan, ideologi, politik dan sebagainya mempunyai pengaruh terhadap konsepsi pengarang. Faktor-faktor yang disebut merupakan komponen yang memainkan peranan penting dalam membentuk konsepsi seseorang penulis di mana faktor-faktor ini juga mendorong kepada konsepsi yang sama atau berbeza bagi setiap individu. Selain daripada faktor yang disebut, faktor lain seperti umur, peredaran zaman, dan masa juga mempengaruhi konsepsi penulis terhadap sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa, konsepsi penulis dapat dipengaruhi oleh beberapa faktor dan pembaca perlulah teliti dalam mengkaji latar belakang seseorang pengarang.

Prinsip yang seterusnya ialah pemilihan kata atau diksi. Diksi bermaksud kata-kata yang dipilih oleh penulis dalam menghasilkan sesebuah karya bergantung kepada penulis. Namun begitu pemilihan kata dalam menghasilkan sesebuah karya berkemungkinan dilakukan dengan mengaplikasikan kata-kata konkrit ataupun kata-kata abstrak. Sebagai contoh, jika penulis ingin menggambarkan kemiskinan, antara kata-kata konkrit yang mungkin digunakan oleh penulis ialah 'melarat', 'menderita' dan sebagainya. Kata-kata abstrak yang berkemungkinan dipilih penulis untuk diaplikasikan dalam sesebuah karya adalah seperti 'anjing kurap', 'sampah' dan sebagainya (Mohamad Mokhtar Hassan, 2005).

Prinsip ketiga ialah kesan, ia berkaitan dengan impak pembacaan. Prinsip ini menerangkan tentang pengaruh karya tersebut ke atas pembaca dan bagaimana karya itu memberi kesan terhadap pembaca. Menurut Mohd Daud Ibrahim dan Rohaidah Kamruddin (2015), pembaca sepatutnya menemukan kesan atau rasa setelah meneliti dan menghayati karya yang dibaca mereka. Hal ini kerana kata-kata yang digunakan dapat menunjukkan konsepsi dan pandangan seseorang penulis terhadap sesuatu isu atau perkara. Apabila pembaca mengenalpasti konsepsi seseorang penulis, reaksi pembaca terhadap konsepsi yang ditemui dalam karya penulis merupakan kesan yang berlaku ke atas diri pembaca.

Kajian Lepas

Mohd Daud Ibrahim (2015), telah memilih beberapa puisi karangan Darma Mohammad kerana menurut pengarang artikel tersebut, tidak ramai pengkaji yang memilih puisi-puisi milik Darma Mohammad. Tujuan pengarang menulis artikel tersebut adalah untuk mengkaji keistimewaan dan keutuhan keislaman yang ditampilkan oleh penyair Darma Mohammad dan puisi-puisinya. Dalam menganalisis puisi-puisi Darma Mohammad, pengarang telah menggunakan teori Konseptual Kata Kunci. Pengarang juga telah menganalisis cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi yang dipilih berdasarkan tiga konsep, iaitu konsep kekasih dan perindu, konsep mendekati Ilahi dengan jalan-jalan Sufi dan konsep kehambaan. Ketika menganalisis puisi-puisi milik Darma Mohammad, pengarang telah menemukan beberapa kata kunci yang menggambarkan beberapa konsep yang telah terlibat. Antara kata-kata kunci yang ditemukan adalah 'Aku ini layang-layang' yang menggambarkan konsep penghambaan. Selain itu, pengarang mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada terciptanya puisi-puisi hasil karangan penyair. Antaranya ialah pengalaman, tahap keimanan dan persekitaran penyair yang telah mendorong penyair untuk menghasilkan puisi-puisi yang menggambarkan rasa cinta kepada Ilahi. Melalui analisis yang telah dilakukan dengan mengaplikasikan teori Konseptual Kata

Kunci, pengarang mendapati tidak banyak kajian yang mengkaji karya sastera dari sudut cinta kepada Ilahi telah dijalankan. Selain itu, pengarang juga mendapati bahawa rasa cinta kepada Ilahi dapat ditunjukkan melalui pelbagai cara sama ada dari segi penulisan, perbuatan ataupun ibadah yang dijalankan dan puisi-puisi yang dianalisis mengandungi rasa cinta kepada Ilahi berdasarkan tiga konsep yang telah dipilih.

Nabilah Mohd Nasir, Ghazali Din dan Abdul Razak Panaemalae (2020) pula menganalisis unsur-unsur kosmos yang ditemui dalam *Kumpulan Puisi Selamat Pulang, Juita*, sebuah karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara ke-6, iaitu Muhammad Haji Salleh. Dalam analisis yang dijalankan, teori Konseptual Kata Kunci telah diaplikasikan bagi membuktikan bahawa Muhammad Haji Salleh memberi perhatian atau peka akan persekitaran melalui penggunaan kata-kata kunci yang menggambarkan unsur-unsur kosmos ataupun unsur-unsur alam dalam karya yang dihasilkan. Analisis yang dilakukan oleh Nabilah et al. (2020) mendapati kata-kata kunci yang dikenalpasti adalah berkait rapat dengan konsep yang telah dirangkumi. Sebagai contoh, Mohammad Haji Salleh telah menggunakan kata kunci seperti berunsur flora seperti "cempaka" yang merupakan sejenis bunga yang bersifat sementara kerana pada akhirnya bunga itu akan layu. Penggunaan kata kunci ini menggambarkan salah satu konsep yang dirangkumi oleh penulis artikel ini, iaitu kehidupan yang sementara. Melalui analisis yang telah dilakukan, Nabilah et al. mendapati bahawa terdapat unsur-unsur kosmos yang digunakan dalam beberapa puisi Mohammad Haji Salleh bagi menunjukkan kepekaan penulis terhadap alam sekitar.

Prinsip Penulisan Puisi dan Lirik Lagu

Puisi merupakan salah satu bentuk sastera. Dalam artikel yang ditulis oleh Asri Lolita (2021), penulis ingin membandingkan bahasa puisi agama yang ditulis oleh Taufik Ismail dengan lirik lagu Opick dengan cara membandingkan gaya penulisan puisi agama dan lirik lagu yang dipilih. Terdapat beberapa aspek yang telah dipilih penulis dalam membandingkan puisi dan lirik lagu yang telah dipilihnya. Antara aspek tersebut ialah gaya bunyi, gaya kata dan bahasa kiasan. Melalui analisis yang telah dilakukan, penulis mendapati bahawa terdapat pelbagai persamaan di antara puisi dan lirik lagu yang dipilih daripada beberapa aspek seperti gaya bunyi dan gaya kata. Penulis menyimpulkan daripada analisis yang telah dilakukan bahawa terdapat banyak persamaan di antara puisi dan lirik lagu. Kedua-duanya mempunyai perbezaan namun perbezaan yang dikesan tidak begitu ketara seperti persamaan yang dijumpainya. Penulisan puisi dan lirik mempunyai persamaan bukan sahaja daripada gaya penulisan mereka, tetapi persamaan kedua-dua ini dapat dilihat daripada fungsi kedua-duanya yang merupakan karya sastera yang meluahkan perasaan yang dialami oleh manusia.

Dalam artikel yang ditulis oleh Abhishek Singhi dan Daniel G. Brown (2014), penulis ingin mengenal pasti sama ada lirik lagu dan puisi merupakan dua perkara yang berada pada tahap yang sama. Melalui kajian yang ditulis oleh pengarang, mereka mendapati bahawa terdapat penulis lirik yang puitis dan tidak puitis. Mereka juga mendapati bahawa terdapat perbezaan di antara lirik lagu dan puisi. Namun begitu, sesebuah lirik dapat ditentukan sama ada lirik tersebut puitis atau tidak bergantung kepada penulis lirik itu sendiri. Oleh kerana lirik dapat ditulis secara puitis ataupun tidak puitis, terdapat kemungkinan yang lirik tersebut boleh diangkat setara dengan puisi. Walaupun lirik dapat ditulis secara puitis, terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira oleh penulis lirik dalam mencipta lirik yang puitis seperti penggunaan adjektif atau kata sifat dan representasi konsep. Oleh itu, penulis lirik dapat menentukan sama ada lirik yang ditulis itu puitis ataupun tidak dengan menitikberatkan aspek-aspek yang telah dikemukakan.

Penulisan lagu dan penulisan lirik merupakan bahagian penting dalam menghasilkan lagu. Christopher Winston (2017) berkata bahawa penulis lagu mengekspresikan diri mereka melalui lirik yang mereka telah dihasilkan. Melalui kenyataan daripada Winston, para pendengar dapat mengetahui bahawa lirik yang terdapat dalam lagu yang dihasilkan oleh penulis lagu sepatutnya mempunyai maksud dan mesej yang ingin mereka sampaikan. Melalui sebuah artikel yang ditulis oleh Amanda C. DeDiego (2015), terdapat beberapa kegunaan muzik dan lagu dalam bidang kaunseling yang telah dibincangkan oleh pengarang. Salah satu kegunaan muzik dan lagu ialah muzik sebagai alat dalam meluahkan emosi sewaktu sesi kaunseling dan muzik juga merupakan komponen dalam terapi seni ekspresif (EAT). Penulis artikel tersebut juga mendapati bahawa hubungan utuh antara manusia dan muzik mendorong mereka mencari makna kehidupan mereka dan mereka dapat beransur pulih kerana muzik dapat membantu dan menambah baik kehidupan mereka. Oleh itu, muzik dan lirik lagu berupaya dalam membantu manusia walaupun dalam bidang kaunseling kerana mereka mempunyai keupayaan untuk menghubungkan manusia sesama manusia.

Di Malaysia, industri muzik telah pun wujud sejak sekian lama. Menurut Nurshafawati Saari, Asiah Sarji dan Fauziah Kartini Hassan Basri (2010), kemunculan industri muzik bermula dalam pentas teater, filem dan bidang penyiaran. Lirik juga secara amnya dapat menyampaikan mesej yang terkandung dalam lagu berbanding dengan muzik kerana lirik merupakan salah satu komponen yang dapat bertindak sedemikian. Namun begitu, muzik dapat memberi impak kepada masyarakat jika terdapat polisi ataupun garis panduan yang dapat membantu pemuzik untuk mencipta muzik yang bagus. Melalui artikel ini, dapat difahamkan bahawa mesej yang terdapat dalam lirik dapat disampaikan kepada pendengar secara berkesan jika muzik tersebut jelas dan sesebuah sistem ataupun polisi perlu dibentuk bagi mengawal penciptaan lagu agar karya para pemuzik dapat dikongsikan kepada masyarakat tanpa sebarang kekangan.

Dalam artikel yang ditulis oleh Siti Noor Riha Sulong dan Normaliza Abd Rahim (2015), penulis memfokuskan penulisan mereka kepada laras bahasa yang telah digunakan oleh penulis lagu dalam *Hakim Yang Bijaksana*. Melalui artikel ini, penulis telah menyimpulkan bahawa laras bahasa yang telah digunakan dalam lagu yang telah mereka kaji bersesuaian dengan kebudayaan masyarakat Melayu kerana penggunaan bahasa kiasan dalam berkomunikasi. Artikel ini berlainan dengan artikel yang telah ditulis oleh Nurshafawati et al. (2010) kerana artikel ini memfokuskan kepada penulisan dan laras bahasa yang terdapat pada lirik lagu *Hakim Yang Bijaksana* manakala Nurshafawati et al. (2010) hanya menyebut mengenai kepentingan lirik dalam lagu kepada masyarakat dan keperluan untuk mewujudkan sesebuah polisi atau garis panduan dalam membantu pemuzik menghasilkan lagu yang baik.

Farihad Mahmud dan Muhamad Fairoz (2017), telah menemu bual beberapa orang ahli muzik termasuklah penulis lirik tempatan, iaitu Ad Samad. Melalui temu bual tersebut, penulis lirik tersebut menyatakan bahawa lagu-lagu tempatan sekarang mempunyai melodi yang lama dan klasik serta penulisan lirik yang kelihatan terlalu ringkas dan tidak mempunyai jiwa seolah-olah lirik tersebut ditulis oleh seseorang yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Penulis lirik itu juga berkata bahawa jika pemuzik ingin membawa kembali irama 1990-an, mereka perlulah bersikap jujur dalam menghasilkan lagu. Artikel yang ditulis oleh penulis lebih memfokuskan kepada penulisan lirik dan kritikan yang diberi oleh penulis lirik tempatan tersebut mengenai industri muzik tanah air. Selain itu, artikel ini juga menekankan kepentingan penulisan lirik dalam memastikan industri muzik tanah air terus berkembang pada landasan yang betul. Selain daripada Ad Samad, beberapa komposer tempatan seperti M Nasir dan Loque juga menyatakan

pendapat mereka mengenai isu yang melibatkan perkembangan industri muzik Malaysia. Dalam artikel ini, M. Nasir menyatakan bahawa irama 1990-an mempunyai populariti sementara dan tidak mencerminkan aliran muzik Malaysia sekarang secara keseluruhan. Menurut Farihad Shalla dan Muhamad Fairoz (2017), Loque berpendapat bahawa lirik yang ditulis perlulah menggunakan gaya bahasa yang boleh difahami dan pada masa yang sama masih menggunakan bahasa kiasan.

Tema Kemanusiaan dalam Penulisan Lirik Lagu

Setiap lirik haruslah mempunyai tema tersendiri seperti penulisan sastera yang lain, iaitu novel, puisi dan cerpen. Kemanusiaan merupakan sebuah terma yang dikaitkan dengan fitrah seseorang manusia. Menurut Winda Susanti dan Eva Nurmayani (2020), kemanusiaan bermaksud sifat-sifat yang terdapat pada manusia serta emosi yang setiap manusia miliki seperti kesedihan, empati, cinta, kasih sayang dan sebagainya. Melalui definisi ini, kemanusiaan dapat disimpulkan sebagai terma atau istilah yang mendefinisikan seseorang yang menunjukkan emosi yang dimiliki oleh setiap manusia dalam melakukan sebarang perbuatan baik untuk masyarakat sekeliling ataupun untuk individu yang memerlukan yang berada di mana sahaja. Dave Elder-Vass (2020) menyatakan bahawa kemanusiaan membezakan manusia dan makhluk lain melalui perwatakan dan ciri-ciri fizikal yang dimiliki dan turut bersetuju bahawa pemikiran Chernilo dan para pembacanya yang berpendapat bahawa kapasiti sosial dan intelektual yang mendefinisikan manusia sebagai nyata bersifat manusia, nyata bermoral dan nyata layak untuk menerima perlindungan dalam aspek moral.

Dalam sebuah artikel yang ditulis oleh Zaidi Mohamad (2020) menyatakan bahawa lirik lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi Aina Abdul kebanyakannya berunsurkan tema kemanusiaan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat. Melalui artikel ini, dinyatakan bahawa lagu yang berjudul *Semalam* nyanyian Aina Abdul merupakan sebuah lagu yang mengandungi mesej mengenai keganasan domestik, iaitu isu yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat. Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat lirik lagu yang mengandungi mesej kemanusiaan yang dicipta dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya para pendengar.

Artikel yang ditulis oleh Zainal Rashid Ahmad (2020) pula menyatakan bahawa Bob Dylan yang juga merupakan seorang penulis lirik dan juga seorang penyanyi *folk* dan *blues* telah dianugerahkan Anugerah Nobel atas penulisan liriknya. Penulisan lirik oleh penulis ini mempunyai pelbagai mesej yang menyentuh isu kemanusiaan, antaranya isu perkauman, keamanan dan anti-perang. Lirik lagu *Hurricane* misalnya menyuarakan keadilan untuk Rubin Hurricane Carter yang merupakan seorang peninju dan pejuang kulit hitam yang telah dipenjarakan atas tuduhan palsu. Ini menunjukkan bahawa lirik lagu mampu mengubah perspektif hidup masyarakat dan dalam masa yang sama menyuarakan suara hati penulis lirik tersebut. Lirik yang ditulis juga merupakan suatu bentuk komunikasi antara penulis dan masyarakat serta suatu usaha penulis untuk mengubah masyarakatnya.

Analisis dan Perbincangan

Rangkap Pertama

Dalam rangkap pertama lirik lagu *Basyirah*, penulis lirik telah menggunakan frasa warkah dunia bagi menggambarkan berita-berita dari seluruh dunia yang terpampang di dada akhbar.

Ku membaca warkah dunia
Kisah hidup penuh rintangan
Moga dia ampun segala
Musibah yang membangkitkan harapan

Oleh kerana lirik lagu ini dihasilkan pada tahun 2020 mengenai Covid-19 dan harapan semua masyarakat diseluruh dunia yang mengharap agar wabak ini berakhir, dapat disimpulkan bahawa frasa warkah dunia yang digunakan oleh penulis sebenarnya menggambarkan isu kesengsaraan yang melanda semua manusia diseluruh dunia akibat wabak yang membawa maut tersebut. Ini dapat dilihat daripada baris kedua rangkap tersebut di mana penulis telah menulis *Kisah hidup penuh rintangan* seolah-olah menceritakan kesukaran yang dihadapi semua ketika wabak tersebut melanda.

Melalui pemilihan kata yang dilakukan oleh penulis dalam menulis rangkap tersebut, dapat dilihat bahawa penulis cuba menyampaikan rasa simpati yang dialaminya melalui *warkah dunia*. Baris seterusnya mengukuhkan lagi hal ini apabila baris ketiga, iaitu *Moga dia ampun segala* menggambarkan harapan penulis agar Tuhan mengampuni segala kesalahan manusia yang sedang berjuang menghadapi wabak Covid-19 dengan menggambarkan wabak tersebut sebagai *musibah*. Rangkap ini merupakan curahan rasa simpati yang cuba disampaikan oleh penulis dan turut menyentuh simpati pembaca dan pendengar kepada lirik lagu ini. Simpati yang terbit ini melambangkan ciri-ciri sifat kemanusiaan.

Rangkap Kedua

Seterusnya, dalam rangkap kedua lirik lagu *Basyirah*, penulis telah menggunakan perkataan *air mata* dan *rintih hiba* bagi menggambarkan kesedihan. Perkataan-perkataan yang digunakan oleh penulis dalam rangkap kedua lirik lagu ini menggambarkan kesedihan yang mampu dirasai oleh pembaca.

Tidak dapat aku bayangkan
Tidak dapat aku hitungkan
Air mata tanpa jeritan
Rintih hiba di malam kegelapan

Secara amnya, pemilihan perkataan *air mata* boleh dikaitkan dengan kesedihan dan *rintih hiba* pula secara tak langsung bermaksud sedih atau pilu. Perkataan-perkataan yang digunakan ini adalah bersesuaian untuk mewakili emosi penulis lirik ini serta dalam masa yang sama menjentik rasa pilu pembaca untuk berkongsi rasa yang sama. Situasi ini menyokong pandangan Winda Susanti dan Eva Nurmayani (2020) yang menyatakan bahawa kemanusiaan bererti sifat-sifat atau emosi yang dimiliki oleh setiap manusia yang mempunyai kemuliaan yang lebih tinggi berbanding ciptaan Tuhan yang lain. Selain itu, Rohini Radhakrishnan (2020) turut mengatakan bahawa kesedihan merupakan salah satu emosi yang dimiliki oleh setiap manusia dan emosi ini dapat dilihat dalam rangkap kedua lirik lagu ini melalui penggunaan kata *air mata* dan *rintih hiba*. Oleh kerana rangkap kedua ini menggambarkan kesedihan melalui

pemilihan kata *air mata* dan *rintih hiba*, dapat disimpulkan bahawa tema kemanusiaan turut diadunkan dengan emosi manusia sejagat.

Selain itu, penulis lirik tersebut juga mengakui bahawa ketika dalam proses menulis lirik lagu ini, penulis turut menitiskan air mata membayangkan kerja keras dan perjuangan setiap individu, terutamanya mereka yang bertugas di barisan hadapan (Ridzuan, 2020). Penggunaan kata-kata kunci seperti *air mata* dan *rintih hiba* bagi menggambarkan kesedihan telah menyampaikan maksud bahawa manusia mempunyai perasaan yang sama ketika mengharungi Covid-19.

Rangkap Kelima

Seterusnya, dalam rangkap kelima lirik lagu *Basyirah*, penulis lirik telah menggunakan perkataan seperti *tangis*, *syahdu* dan *rindu*.

Dalam tangis aku ratibkan
Dalam syahdu ku munajatkan
Kalam rindu dalam tasbihku
Moga detik berkah bawa mubaraknya

Perkataan-perkataan ini juga dapat dikaitkan dengan perasaan kesedihan. Sebagai contoh, perkataan tangis itu sendiri membawa maksud mengeluarkan air mata sambil tersedu-sedan dengan tujuan melahirkan perasaan sedih (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t.). Daripada definisi ini, dapat difahamkan bahawa *tangis* yang digunakan oleh penulis lirik lagu tersebut bermaksud kesedihan yang dilahirkan melalui tangisan. Baris pertama rangkap kelima lirik lagu tersebut, iaitu *dalam tangis aku ratibkan* menggambarkan situasi seseorang itu sedang menangis sambil berdoa melalui penggunaan perkataan *ratibkan*. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.) perkataan *ratib* bermaksud kata-kata pujian yang disebut dan diucapkan secara berulang-ulang. *Ratib* juga bermaksud perbuatan mendoakan untuk orang-orang yang telah meninggal dunia. Lirik ini mewakili masyarakat yang sedang mengangkat doa sambil menangi pemergian pejuang-pejuang baris hadapan yang telah pergi akibat wabak Covid-19 ini. Penggunaan kata ganti nama diri pertama, iaitu *aku* dan *ku* seperti yang terdapat dalam baris pertama, kedua dan ketiga rangkap tersebut turut menggambarkan diri semua masyarakat di dunia yang sedang menghadapi apa yang telah ditulis oleh penulis. Sebagai contoh, melalui baris pertama, kedua dan ketiga yang mengandungi kata ganti diri pertama bagi menzahirkan kesedihan yang digambarkan. Penggunaan kata ganti nama pertama ini seolah-olah mewakili rasa pembaca itu sendiri.

Selain itu, perkataan *rindu* yang digunakan dalam baris ketiga rangkap kelima juga dapat dikaitkan dengan kesedihan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.), *rindu* bermaksud perasaan yang berlaku apabila seseorang individu sangat ingin bertemu dengan individu yang lain. Penggunaan kata *rindu* yang terdapat dalam baris ketiga rangkap kelima adalah emosi penuh pengharapan semua pejuang-pejuang baris hadapan dan semua masyarakat yang diuji dengan musibah Covid-19 untuk kembali berjumpa dan bersama ahli keluarga, kaum kerabat dan sahabat seperti yang pernah dilalui dahulu. Oleh kerana lirik lagu ini ditulis ketika pandemik Covid-19, dapat disimpulkan bahawa perkataan *rindu* itu menggambarkan perasaan sedih kerana berjauhan dan terpisah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan ketika itu sekaligus menghalang mereka daripada bertemu dengan keluarga dan rakan-rakan. Apabila pembaca membaca baris ketiga rangkap ini, mereka dapat mengaitkan diri mereka dengan lirik lagu tersebut kerana mereka juga melalui perkara yang sama. Oleh itu,

perkataan *rindu* yang digunakan oleh penulis dalam baris ketiga adalah tepat bagi menggambarkan perasaan rindu yang biasa dialami oleh setiap manusia.

Rangkap Keenam

Rangkap seterusnya adalah rangkap keenam lirik lagu *Basyirah* yang telah menggunakan perkataan *insan*.

Hadir insan berterusan hulur firasat sejati
Perisaikan diri menjaga nyawa tak terganti
Budi yang terpuji kesabaran yang mulia

Perkataan *insan* yang telah digunakan dalam rangkap keenam ini membawa maksud petugas-petugas barisan hadapan yang telah bertungkus lumus membantu masyarakat semasa berlakunya musibah Covid-19 dan sanggup membahayakan diri sendiri dengan risiko jangkitan Covid-19. Baris kedua rangkap keenam lirik, iaitu *Perisaikan diri menjaga nyawa yang tak terganti* menyatakan pengorbanan yang telah dilakukan oleh petugas barisan hadapan dan perasaan simpati ini dapat dirasakan oleh pembaca. Melalui baris kedua rangkap ini, membayangkan kesusahan yang dialami oleh petugas barisan hadapan dalam melindungi masyarakat daripada dijangkiti wabak Covid-19 di mana mereka perlu berkorban lebih daripada golongan yang lain. Perkataan *nyawa* yang telah digunakan dalam baris kedua rangkap ini dapat dianggap sebagai gambaran nyawa masyarakat yang cuba dilindungi oleh petugas barisan hadapan. Dalam konteks rangkap keenam lirik lagu ini pula, menceritakan tentang usaha dan pengorbanan petugas barisan hadapan dalam menyelamatkan dan melindungi masyarakat dari wabak Covid-19 yang digambarkan sebagai musibah dengan penuh kesabaran biarpun tugas tersebut amat mencabar dan merbahaya. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan baris ketiga rangkap keenam lirik lagu ini, iaitu *Budi yang terpuji kesabaran yang mulia*. Dalam baris ini, penulis telah menggunakan perkataan *kesabaran* dalam menggambarkan petugas barisan hadapan yang bersabar dan tidak berputus asa dalam menjalankan amanah mereka. Apabila pembaca membaca bait-bait lirik ini, mereka dapat merasakan kepenatan yang dilalui oleh petugas barisan hadapan dalam melaksanakan tugas mereka. Rasa yang dilalui oleh pembaca ini merupakan kesan yang dialami pembaca setelah membaca bait-bait lirik lagu tersebut.

Rangkap Ketujuh

Rangkap seterusnya ialah rangkap terakhir dalam lirik lagu *Basyirah*. Dalam rangkap ini, penulis lirik telah memilih perkataan *kepedihan* seperti dalam baris pertama.

Semoga kepedihan
Membawa basyirah

Perkataan *kepedihan* yang telah digunakan dapat menggambarkan pelbagai perkara, antaranya ialah bagi menggambarkan keperitan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.), keperitan bermaksud kesusahan atau kesukaran. Keperitan juga bersinonim dengan kepedihan. Ini menunjukkan bahawa perkataan *kepedihan* yang digunakan oleh penulis dalam baris pertama rangkap terakhir lirik lagu ini turut membawa bermaksud kesukaran. Dalam konteks lirik lagu ini, kesukaran yang dimaksudkan berkemungkinan bermaksud kesukaran dan kesusahan yang dilalui oleh masyarakat dalam memerangi wabak Covid-19. Kesannya apabila pembaca membaca bait-bait lirik baris pertama rangkap ini, pembaca turut dapat membayangkan kesukaran yang dihadapi kerana mereka sendiri juga mengalami situasi yang sama. Seterusnya menurut Sudirman Mohd Tahir (2020), perkataan *basyirah* yang merupakan tajuk kepada lagu

ini adalah merupakan perkataan Arab yang bermaksud berita gembira. Berita gembira adalah perkara yang membawa kebaikan dan kesenangan untuk masyarakat. Perkataan *basyirah* yang dipilih oleh penulis dalam lirik lagu ini menggambarkan harapan penulis agar seluruh masyarakat akan dikurniakan berita gembira setelah semua bersabar melalui kesukaran memerangi pandemik Covid-19.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tema merupakan satu komponen penting yang harus dititikberatkan oleh penulis lirik dalam menghasilkan karya mereka. Tema bukan sahaja dapat disampaikan melalui karya sastra seperti novel, cerpen, sajak dan sebagainya. Lirik juga mempunyai kemampuan untuk menyampaikan sesuatu tema kepada pembaca. Antara tema yang dapat diterapkan dalam penulisan lirik adalah tema kemanusiaan. Bagi mengenal pasti tema kemanusiaan dalam sesebuah karya, Teori Konseptual Kata Kunci telah digunakan dalam menganalisis karya tersebut. Melalui teori ini, terdapat beberapa prinsip yang dapat membantu pembaca dalam memahami konsepsi dan pemahaman serta konteks sesebuah karya. Lirik lagu *Basyirah* ternyata menggunakan pemilihan kata atau diksi yang berkesan bagi menyampaikan tema kemanusiaan yang menzahirkan pelbagai rasa dan emosi. Kajian ini diharap agar dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang peri pentingnya diksi dalam penulisan lirik bagi menyampaikan tema yang dihajatkan penulis kepada manusia sejagat.

Rujukan

- Ad Samad. (10 Mac 2020). *Premis cerita & tema dalam penulisan lirik lagu dan lakon layar – Ad Samad* [Video]. Youtube.
https://www.youtube.com/watch?v=28N_iU8crco&feature=youtu.be
- Ad Samad. (13 Jun 2021). Perbualan peribadi [Perbualan peribadi].
- Asri Lolita. (2021). Kajian bandingan stilistika dan nilai karakter puisi-puisi religi karya Taufik Ismail dengan lirik lagu religi Opick. *Jurnal LITERASI*, 5(1), 77-84.
- DeDiego, A. C. (2015) The use of song lyrics as an expressive arts tool in counseling: A literature review. *VISTAS Online 2015*, Artikel.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (t.t.). *Kamus Dewan Edisi Keempat*.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=insan>
- Editor Encyclopaedia Britannica. (2016). *Encyclopedia Britannica*. The Editors of Encyclopaedia Britannica. <https://www.britannica.com/art/genre-literature>
- Editor Encyclopaedia Britannica. (2017). *Encyclopedia Britannica*. The Editors of Encyclopaedia Britannica. <https://www.britannica.com/art/lyric>
- Elder-Vass, D. (2020). What is humanity? *Distinktion: Journal of Social Theory*, 21(1), 63-66.
- Farihad Shalla Mahmud., & Muhamad Fairoz Azizan. (15 Oktober 2017). Irama mendayu 1990-an bantut evolusi muzik tempatan. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/amp/hiburan/lain-lain/2017/10/337775/irama-mendayu-1990-bantut-evolusi-muzik-tempatan>
- Gajanan, M. (7 Mei 2018). An expert's take on the symbolism in Childish Gambino's viral 'This Is America' video. *TIME*. <https://time.com/5267890/childish-gambino-this-is-america-meaning/>
- Griffith, K. (2010). Interpreting fiction. In *Writing essays about literature* (8th ed., pp. 39-82). Cengage Learning.
- Irman Siswadi. (2013). Mengenal konsep penetapan kata kunci. *Jurnal Pustakawan Indonesia*, 12(2), 53-55.
- Masitah Mad Daud., & Zulkifley Hamid. Pemikiran dalam lirik lagu: Satu analisis makna. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 6, Issue 2, 2289-1552

- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori konseptual kata kunci*. University of Malaya Press.
<https://www.e-sentral.com/book/info/14152/Teori-Konseptual-Kata-Kunci>
- Mohd Daud Ibrahim. (2015). *Cinta kepada ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad* (Disertasi sarjana, Universiti Putra Malaysia). Universiti Putra Malaysia Institutional Repository.
- Mohd Daud Ibrahim., & Rohaidah Kamruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya sasterawan negara Keris Mas. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(2), 17-25.
- Nabilah Mohd Nasir., Ghazali Din., & Abdul Razak Panaemalae. (2020). Unsur kosmos dalam kumpulan puisi Selamat Pulang Juita karya Muhammad Haji Salleh. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(4), 97-112.
- Nik Safiah Karim. (1994). Bahasa Dalam Lagu. Pelita Bahasa. April: 28-29.
- Nurshafawati Saari., Asiah Sarji., & Fauziah Kartini Hassan Basri. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: Paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 26(2), 47-65.
- Palmer, C. & Bolderston, A. (March 2006). *Chapter 1 : A brief introduction to qualitative research*.https://www.researchgate.net/publication/237892956_A_Brief_Introduction_to_Qualitative_Research
- Radhakrishnan, R. (12 Januari 2020). *What are the 27 basic emotions?*. MedicineNet.
https://www.medicinenet.com/what_are_the_27_basic_emotions/article.htm
- Ridzuan Abdul Rahman. (19 April 2020). Fedtri menangis tulis lirik Basyirah. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/rap/2020/04/568680/fedtri-menangis-tulis-lirik-basyirah>
- Rozita Che Rodi., & Hashim Musa (26-27 November 2014). *Interpretasi makna kata kunci dalam konteks hati budi melayu demi pelestarian budaya dan masyarakat yang dinamik*. [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Antarabangsa Psikolinguistik III (SEAPSIL III), Sarawak, Malaysia.
- Hawkins, J. M. (n.d). Textual analysis. *Sage Research Methods*.
<https://methods.sagepub.com/reference/the-sage-encyclopedia-of-communication-research-methods/i14636.xml#:~:text=Textual%20analysis%20is%20a%20methodology,which%20communication%20may%20be%20understood>.
- Singhi, A., & Brown, D. G. (27-31 Oktober 2014). *Are poetry and lyrics all that different?* [Pembentangan kertas kerja]. 15th International Society for Music Information Retrieval Conference (ISMIR 2014), Taipei, Taiwan.
- Siti Noor Riha Sulung., & Normaliza Abd Rahim. (2015). Laras bahasa dalam lirik lagu "Hakim Yang Bijaksana". *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 103-113.
- Sudirman Mohd Tahir. (11 Mei 2020). 'Khabar gembira' Siti. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/rap/2020/05/577029/khabar-gembira-siti>
- Suoth, E. (2013). Pengembangan tema cinta dalam lirik-lirik lagu Jonas Brothers. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 1(1), Artikel.
- Winda Susanti., & Eva Nurmayani. (2020). Kritik sosial dan kemanusiaan dalam lirik lagu karya Iwan Fals. *SeBaSa: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(1), 1-8.
- Winston, C. (15 November 2017). *Why do lyrics matter?*. NRG Recording Studios.
<https://www.nrgrecording.com/post/why-do-lyrics-matter>
- Zaidi Mohamad. (5 Mac 2020). Aina mahu bawa Semalam ke AJL35. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2020/03/662466/aina-mahu-bawa-semalam-ke-ajl35>

Zainal Rashid Ahmad. (22 Mei 2020). KLWBC 2020: Lirik lagu mengubah dunia. *Astro Awani*.
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/klwbc-2020-lirik-lagu-mengubah-dunia-2438>